

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM BEKERJASAMA DENGAN FARM DIRECT SHOP UNTUK MEMPERKASAKAN USAHAWAN MIKRO DAN PETANI BERSKALA KECIL DI SARAWAK**

*Pembiayaan bertujuan untuk memudahkan pembentukan rantai nilai yang mampan bagi melindungi sumber rezeki dan jaminan makanan*

**KUCHING, SARAWAK, Sabtu [5 Ogos 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) memperluaskan akses program pembiayaan mikro iTEKAD kepada petani dan usahawan tempatan menerusi kerjasama dengan Farm Direct Shop (FDS), sebuah perusahaan sosial tempatan. FDS menyediakan platform yang memudahkan urusan jualan secara terus kepada pengguna dengan mempamerkan hasil dan produk mereka serta menyediakan perkhidmatan pemasaran untuk item tersebut melalui kedainya dan saluran WhatsApp.

Dilancarkan pada Mei 2020 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iTEKAD direka untuk memanfaatkan instrumen kewangan sosial seperti zakat, sedekah atau derma, wakaf dan dana pelaburan sosial dengan menawarkan modal benih dengan aturan pembiayaan mikro yang berpatutan kepada pemohon yang layak. Program ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan mikro yang layak, termasuk petani, untuk mencapai daya tahan kewangan, menjana pendapatan berterusan dan mewujudkan rantai nilai mampan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat.

Mohd Zikri Mohd Shairy, Penolong Pengurus Besar, Bahagian Rangkuman Kewangan Kumpulan Bank Islam, berkata, "Petani adalah golongan yang begitu penting untuk memastikan kebajikan masyarakat, terutamanya di kawasan luar bandar. Ini kerana aktiviti pertanian merupakan sumber pendapatan yang penting. Sektor ini membantu mengurangkan jurang kemiskinan dengan membasmi kelaparan dan menjana aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, sektor pertanian yang merupakan elemen penting dalam memastikan jaminan makanan telah terjejas disebabkan perubahan iklim, peningkatan jumlah penduduk, perubahan pilihan makanan, pandemik dan konflik global. Sehubungan itu, petani perlu mencari cara untuk memaksimumkan hasil tuaian mereka dan meningkatkan kecekapan melalui kaedah kerja yang lebih baik serta penggunaan alat yang berkesan."

Beliau menambah, "Bank Islam membantu memajukan rantai nilai makanan dengan menawarkan peluang kepada petani berskala kecil dan pemilik perniagaan kecil untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka melalui program pembiayaan mikro iTEKAD kami yang komprehensif. Dengan sokongan FDS, kami dapat mendekati lebih 400 pembekal di bawah bimbingan platform berkenaan."

Selain pembiayaan modal kerja, iTEKAD turut melibatkan kerjasama dengan rakan pelaksana terpilih seperti Majlis Agama Islam Negeri, agensi kerajaan, perusahaan sosial dan organisasi

bukan kerajaan. Melalui perkongsian strategik ini, penerima pembiayaan juga berpeluang mengikuti latihan keusahawanan dan pengurusan kewangan berstruktur untuk memastikan pemahaman, kemahiran dan pengetahuan yang lebih holistik dalam mengurus usaha niaga mereka dengan cekap dan berdaya maju.

Bank Islam mempunyai dua program iTEKAD – iTEKAD BangKIT dan iTEKAD Maju – tersedia di seluruh negara untuk mereka yang kurang mendapat akses perbankan dan perusahaan yang dimiliki oleh golongan B40. Sejak pelancarannya, Bank Islam telah memperkasakan lebih 675 usahawan mikro dengan mengagihkan lebih RM11.7 juta dalam bentuk sokongan kewangan di bawah iTEKAD.

“Dengan bekerjasama, kita boleh memupuk segmen masyarakat yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan perbankan ini untuk menjadi petani dan pemilik perniagaan generasi baharu yang mampu menyahut cabaran masa hadapan. Kami mengalu-alukan lebih banyak penyertaan dalam program ini, termasuk daripada agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan,” Mohd Zikri mengulas lanjut.

Awal pagi ini, Mohd Zikri dan Alan Hua Fong Wei, Pemilik Bersama FDS dan Setiausaha Agung Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Sarawak, menganjurkan sesi taklimat di Bidy's Café bersama usahawan mikro tempatan untuk memaklumkan kepada mereka tentang sumber yang disediakan bagi memudahkan pertumbuhan perniagaan mereka.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my).**